



TANDA KENANGAN Dr Ismail (3 dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada Redzuan sambil diperhatikan oleh Samsudin (2 kanan).

NST 10-01-2013 9

Pengarah UMS Labuan terima kunjungan hormat pegawai kanan Tabung Haji

LABUAN : Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Ismail Ali telah menerima kunjungan hormat pegawai kanan Tabung Haji di pejabatnya, kelmarin.

Rombongan Tabung Haji itu diketuai oleh Pengurus Tabung Haji Travel Wilayah Sabah, Ridzuan Salim yang diiringi Pengurus Tabung Haji Labuan, Samsudin Ali.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohammad Tuah.

Dr. Ismail berkata, kun-

jungan hormat itu bertujuan untuk memapatkan hubungan dua hala antara kedua-dua agensi terutama yang membabitkan kakitangan dan pelajar UMS-KAL sebagai pelanggan Tabung Haji.

Selain itu, katanya, Tabung Haji juga boleh mengadakan kursus simulasi haji di UMSKAL yang mempunyai kemudahan menunaikan ibadat tersebut.

“Tabung Haji boleh mengadakan kursus dan latihan amali di UMS-KAL yang mempunyai kemudahan untuk menunaikan ibadat berke-

naan,” katanya.

Dr Ismail juga berharap kakitangan Tabung Haji dan UMSKAL boleh mengadakan pelbagai acara untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin termasuk acara sukan dan rekreasi.

Katanya, kakitangan Tabung Haji dialu-alukan mengadakan aktiviti sukan yang membabitkan kakitangan dan pelajar UMSKAL di kampus ini. **-OLEH JAIN-UDIN DJIMIN jain-udin@newsabah-times.com.my**